

01 FEB 2001

Putrajaya-Reaksi

PUTRAJAYA BUKTI PANDANGAN JAUH DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan adalah satu bukti pandangan jauh dan mencerminkan ciri-ciri dinamik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu.

Katanya jika pembangunan seumpama itu dibuat sekarang, ia akan menelan belanja hampir RM40 bilion tetapi memandangkan ia dimulakan pada masa yang sesuai lebih lima tahun lepas, kosnya hanya sekitar RM10 bilion.

"Sesuatu perkara yang perlu dibuat, lebih baik dibuat cepat kerana pasaran harta, barangan, perkhidmatan dan kos buruh akan sentiasa bertambah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri upacara pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan oleh Perdana Menteri di Dataran Perdana di sini hari ini.

Ditanya mengenai kritikan segelintir pihak kononnya pembangunan Putrajaya adalah membazir, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, berkata golongan sebegitu tidak perlu dilayan.

"Jikalau seorang sakit perut, betul-betul sakit perut, kita boleh ubatlah tapi kalau dia sandiwara sebagai sakit, kita tak boleh bagi ubat," katanya.

Samy Vellu berkata Putrajaya adalah sesuatu yang diperlukan memandangkan penduduk Kuala Lumpur sudah bertambah berlipat ganda dengan kesesakan jalan raya dan sewa bangunan yang semakin meningkat.

Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohamad Khir Toyo pula berkata kerajaan persekutuan telah memberi jaminan akan mewujudkan pembangunan infrastruktur di sekitar Putrajaya yang akan memberi faedah besar kepada negeri Selangor.

"Saya yakin dalam masa akan datang seluruh rakyat Selangor akan berterima kasih dan bersyukur sebagaimana yang telah berlaku ketika kita menyerahkan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) kepada kerajaan persekutuan," katanya.

Mohamad Khir berkata berikutan pembangunan Putrajaya, banyak pelabur dalam dan luar negeri telah menyatakan minat untuk melabur di situ dan di kawasan sekitarnya.

"Ini satu petanda baik bagi Selangor," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk Datuk M.Kayveas berkata pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan merupakan satu titik bersejarah kepada rakyat Malaysia dan satu pencapaian bermakna di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau berkata: "Daripada apa yang dapat disaksikan hari ini, saya berpendapat Malaysia berada di hadapan banyak negara maju kerana keseluruhan jentera pentadbiran kerajaan tertumpu di satu tempat yang menakjubkan ini.

"Ia merupakan satu warisan untuk negara dan generasi akan datang."

Duta Croatia ke Malaysia Damir Perincic berkata Putrajaya merupakan satu projek menarik yang dilaksanakan dalam tempoh yang sukar.

Beliau menyifatkannya sebagai simbol kestabilan, kemakmuran dan pembangunan pesat di Malaysia.

"Ia begitu menarik, dan membuktikan bahawa Malaysia mempunyai potensi amat besar," katanya.

-- BERNAMA

RV MAM MAI